

31 MAR 1996

OSMAN AROFF ANGGAP ISU KEDUDUKAN BELIAU SEBAGAI MB TELAH TAMAT

ALOR SETAR, 31 Mac (Bernama) -- Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff hari ini menjelaskan bahawa beliau menganggap isu kedudukan beliau sebagai Menteri Besar Kedah kini sudah tamat dan tidak perlu diperbincangkan lagi.

"Isu itu sudah closed (tamat) dan mereka (22 anggota Dewan Undangan Negeri) sudahpun minta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak mengikut saluran yang betul...habis cerita", katanya kepada pemberita ketika ditemui di Wisma Darul Aman, di sini.

Semalam, 20 daripada 22 anggota Dewan Undangan Negeri yang menandatangani memorandum yang mahu Osman dikekalkan sebagai Menteri Besar dan menolak sebarang usaha untuk melantik bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar, telah meminta maaf kepada Dr Mahathir dalam pertemuan hampir dua jam di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai pertemuan itu berkata, beliau menerima permohonan maaf mereka dan menyatakan kumpulan 22 anggota dewan negeri itu telah menyerahkan mandat kepada beliau untuk membuat sebarang keputusan berhubung kedudukan Menteri Besar Kedah itu.

Selain itu Dr Mahathir juga mengadakan pertemuan dengan tujuh anggota Parlimen dari Kedah sejeurus selepas pertemuan dengan kumpulan anggota Dewan Undangan Negeri itu untuk membincangkan isu yang sama.-- BERNAMA.

MZM OBA.